

- 1** Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Apakah jawatan pembesar yang menyamai peranan Perdana Menteri masa kini?
- A Bendahara C Temenggung
B Laksamana D Penghulu Bendahari

- 2 Pasangan pernyataan yang manakah **betul** tentang peranan sultan dan rakyat?

Peranan Sultan	Peranan Rakyat
Menaungi rakyat	Memelihara keamanan
Menjadi perantara	Menjadi tentera
Memperkenalkan undang-undang	Menyumbang tenaga kerja
Mengutip hasil pertanian	Menghadiri majlis umum

- 3 Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada penentangan rakyat terhadap pemerintahan beraja.

Mengapakah pemerintahan beraja ditentang di Barat?

- A Pengaruh agama merosot
B Sistem perundangan lemah
C Perdagangan luar tergugat
D Kebebasan rakyat terjejas

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Amerika Syarikat pada abad ke-18.

Tahun	Peristiwa
1776	Revolusi Amerika

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Amerika Syarikat?

- A** Kuasa raja dikawal perlembagaan
B Pengaruh British semakin kukuh
C Sistem demokrasi dilaksanakan
D Wilayah takluk bertambah luas

- 5 Maklumat berikut berkaitan Perjanjian Versailles 1919 yang menghukum Jerman dan negara lain yang tewas dalam Perang Dunia 1?

1. Penyerahan kesemua tanah jajahan atau koloni Jerman sebagaimana yang dimandatkan oleh Liga Bangsa.
2. *Plebiscites* (pungutan suara) diadakan di sebelah utara Schleswig untuk menyelesaikan isu sempadan Denmark-Jerman.
3. Jerman membayar hutang perang sebanyak 6 600 juta.

Sumber: Diubah suai daripada Sejarah Dunia Jilid II
W.N. Weech, J.P, DBP 1981

Mengapakah Jerman dikenakan hukuman tersebut?

- A Mengaut hasil negara lain
- B Melakukan penghapusan etnik
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Menyebabkan banyak kemusnahan

- 6 Dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu telah membawa kepada perkembangan nasionalisme dalam kalangan penduduk.

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut di Tanah Melayu?

- A Ketidakseimbangan penduduk
- B Kemasukan idea pembaharuan
- C Pengisytiharan revolusi bersenjata
- D Pengukuhan semangat antipenjajah

- 7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menunjukkan bantahan terhadap Malayan Union?

- I Mengadakan perhimpunan rasmi
 - II Menganjurkan demonstrasi jalanan
 - III Menghantar surat bantahan ke London
 - IV Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Jadual berikut berkaitan perkembangan politik yang berlaku di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
1946	Sultan Kedah, Perak dan Johor menghantar surat bantahan kepada George Henry Hall di London

Mengapakah sultan bertindak demikian?

- A Mendakwa ditipu oleh Sir Harold MacMichael
- B Menolak pelaksanaan undang-undang British
- C Mengkritik penggunaan bahasa Inggeris
- D Menghalang kehadiran L.D. Gammans

- 9 Parti politik berikut ditubuhkan sebelum merdeka.

- Kesatuan Melayu Muda
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?

- A Memajukan pendidikan wanita
- B Merdeka bersama Indonesia
- C Bekerjasama dengan British
- D Pembentukan negara Islam

[Lihat halaman sebelah
SULIT



- 10 Mengapakah British menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Kerakyatan *jus soli* diterima
 - II UMNO tidak menuntut kemerdekaan
 - III Sikap politik orang Melayu yang sederhana
 - IV Orang Melayu menerima prinsip Perlembagaan Rakyat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 11 Selepas Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) dibubarkan pada 1 Disember 1945, Parti Komunis Malaya (PKM) dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah. Bagaimanakah PKM menggunakan peluang tersebut untuk meluaskan pengaruhnya?
- A Memberikan bantuan kepada penduduk desa
B Menyusup masuk dalam kesatuan sekerja
C Melibatkan diri dalam pentadbiran negara
D Menubuhkan parti politik berhaluan kanan
- 12 Pengisytiharan darurat pada 1948 di Tanah Melayu telah memberi kesan dalam pelbagai aspek kepada negara kita. Apakah kesan pengisytiharan tersebut dari aspek politik?
- A Mengukuhkan hubungan antara kaum
B Memulihkan kepercayaan rakyat
C Meningkatkan kos perbelanjaan
D Mempercepatkan kemerdekaan
- 13 Sebelum merdeka, sistem pendidikan tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A Kemudahan asas terhad
B Tenaga pengajar kurang
C Kurikulum pelajaran berbeza
D Peruntukan kewangan dikurangkan


- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan keanggotaan Sistem Ahli

- Dato' Onn Jaafar
- E.E.C. Thuraisingham
- Lee Tiang Keng

Apakah kesan pelantikan tokoh tersebut kepada negara?

- A Penguasaan kaum dalam kewangan
B Kuasa menggubal perlembagaan
C Pentadbiran bercorak tempatan
D Kepimpinan berasaskan bangsa

- 15 Mengapakah penubuhan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955 penting kepada negara kita?
- A Menunjukkan kekuatan bangsa
 - B Memperkukuhkan kesetiaan rakyat
 - C Membuktikan kerjasama parti politik
 - D Mengekalkan kuasa pemerintahan asal
- 16 Mengapakah tanggungjawab untuk mengundi dalam pilihan raya penting?
- A Memilih ketua parti
 - B Mengekalkan tradisi bangsa
 - C Memperkukuh sistem beraja
 - D Membentuk sebuah kerajaan
- 17 Apakah jenis kerakyatan yang diterima dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Permohonan didaftarkan
 - II Penguatkuasaan undang-undang
 - III Pemilihan Dewan Undangan Negeri
 - IV Persetujuan Pesuruhjaya Tinggi British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 8 Februari 1956. Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?
- A Pengagihan kuasa kabinet
 - B Mengubah sempadan negara
 - C Memperoleh bantuan teknikal
 - D Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan
- 19 Gambar berikut berkaitan peristiwa pengisytiharan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.




Mengapakah peristiwa tersebut mesti dihargai oleh rakyat Malaysia?

- A Wujud kerjasama antara kaum
- B Pembebasan daripada belenggu penjajah asing
- C Kebanggaan terhadap warisan budaya bangsa
- D Bukti ketabahan menghadapi cabaran

[Lihat halaman sebelah
SULIT

20 Rajah berikut menunjukkan tiga komponen kerajaan.



Apakah X?

- A Parlimen
- B Kehakiman
- C Kementerian
- D Majlis Raja-Raja

21 Maklumat berikut berkaitan ciri negara yang berdaulat.

Perundangan	Memelihara kesejahteraan
	Menjamin keadilan
	X

Apakah X?

- A Melindungi rakyat
- B Membina identiti nasional
- C Menjaga kestabilan ekonomi
- D Memudahkan urusan pemerintahan

22 Mengapakah hubungan baik Malaysia dengan negara lain perlu dipertahankan?

- I Mengekalkan pemimpin
 - II Menjamin kelestarian alam
 - III Mengekalkan kedaulatan negara
 - IV Memelihara kepentingan nasional
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan konsep kedaulatan undang-undang?

- A Tidak boleh dipinda
- B Kerajaan dan rakyat mesti patuh
- C Digubal oleh Yang di-Pertuan Agong
- D Tidak boleh dikenakan ke atas warga asing

24 Apakah tujuan *Charter of Justice* diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat?


- A Melicinkan pentadbiran
- B Mewujudkan kerjasama
- C Melindungi penduduk
- D Menjimatkan kos

25 Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen sejak merdeka.

Apakah perkara yang berkaitan dengan sistem tersebut?

- A Monarki berkuasa mutlak mengetuai pentadbiran
- B Badan kehakiman meluluskan undang-undang
- C Majlis Raja-Raja menggubal perlembagaan
- D Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara

26 Rajah berikut berkaitan dengan komponen Parlimen Malaysia.



Apakah X?

- A Dewan Negara
- B Jemaah Menteri
- C Raja-Raja Melayu
- D Badan Kehakiman

27 Apakah elemen penting yang membuktikan wujudnya amalan demokrasi di negara kita?

- A Majlis Raja-Raja
- B Pilihan raya
- C Perlembagaan
- D Jemaah Menteri

28 Maklumat berikut berkaitan pengagihan kuasa pentadbiran di Malaysia

- Senarai Persekutuan
- Senarai Negeri
- Senarai Bersama

Apakah kebaikan daripada pengagihan kuasa tersebut?

- A Mengawal kewangan negeri
- B Menjamin kedudukan politik
- C Menjimatkan kos pemerintahan
- D Melicinkan pentadbiran kerajaan

29 Terdapat penentangan terhadap cadangan pembentukan Malaysia di Sabah.

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Mendapatkan kemerdekaan secara berasingan
- B Menentang penyatuan parti komponen
- C Membentuk gabungan Melayu Raya
- D Menjaga hubungan dengan Filipina

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 30 Pada bulan September 1965, Jeneral Suharto telah mengambil alih kepimpinan di Indonesia. Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Malaysia?
- A Hubungan luar terhad
 - B Dasar konfrontasi tamat
 - C Kedaulatan negara tergugat
 - D Golongan radikal memberontak
- 31 Negara dan bangsa Malaysia lahir apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 dan Persekutuan Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Apakah faktor yang menjayakan kemerdekaan dan pembentukan Malaysia?
- I Desakan kumpulan radikal
 - II Pemimpin dan rakyat bermuafakat
 - III Semangat toleransi menjadi amalan
 - IV Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Petikan berikut berkaitan ancaman komunis di Asia Tenggara.

Menurut Teori Domino yang berpengaruh dalam politik Asia Tenggara pada tahun 1960-an, komunis sudah bertapak di Indo-China dan akan menguasai negara-negara lain di Asia Tenggara.

Sumber: Sejarah Malaysia 1800-1963
Mohd Isa Othman

Apakah tindakan pemimpin kita untuk mengatasi ancaman tersebut?

- A Menyokong pembentukan Melayu Raya
 - B Memeterai perjanjian sempadan
 - C Menyekat kemasukan imigran
 - D Meminda perlembagaan
- 33 Dialog berikut mungkin berlaku pada awal tahun 1960-an.

Lee Kuan Yew : Singapura mula diresapi pengaruh komunis.
Tunku Abdul Rahman : Kita perlu menggabungkan Tanah Melayu dan Singapura untuk melemahkan komunis.

Dialog tersebut membuktikan bahawa Tunku Abdul Rahman

- A bijak merancang
- B gigih berusaha
- C kuat semangat
- D bersikap adil



34 Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

- Kegiatan persatuan
- Unit beruniform
- Sukan dan permainan

Mengapakah aktiviti kokurikulum diberikan tumpuan dalam laporan tersebut?

- A Mempelbagai aliran persekolahan
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Melahirkan atlet bertaraf dunia
- D Meningkatkan kemahiran teknologi

35 Gambar berikut berkaitan tokoh penggiat budaya negara.



Azah Aziz
(Tokoh Budayawan)



Lim Swee Tin
(Tokoh Kesusasteraan)

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menggalakkan penghasilan karya seni
- B Menggubal pelbagai dasar berkaitan kebudayaan
- C Mengambil bahagian dalam program kebudayaan
- D Memartabatkan penggunaan bahasa ibunda

36 Agensi berikut ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Pertama.

- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut?

- A Memacukan pertumbuhan sektor perindustrian baharu
- B Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- D Menggiatkan peranan sektor swasta

37 Mengapakah agensi berikut ditubuhkan oleh kerajaan?

- KEJORA
- KETENGAH
- DARA

- A Menaik taraf kemudahan asas
- B Memajukan pendidikan rendah
- C Membaiki ekonomi penduduk desa
- D Memanfaatkan sumber alam semula jadi

38 Maklumat berikut berkaitan pendekatan Malaysia terhadap dasar Aparteid.

Tahun	Peristiwa
1960	Tunku Abdul Rahman menyuarakan penentangan terhadap Dasar Aparteid di Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

Mengapakah Malaysia mengambil pendekatan tersebut?

- A Menangani masalah kemiskinan
 - B Mendapatkan pengiktirafan dunia
 - C Menjaga kepentingan perdagangan
 - D Memperjuang hak persamaan taraf
- 39 Bagaimanakah Malaysia membuktikan pendirian tegasnya dalam isu penyalahgunaan dadah?
- A Mengadakan persidangan tergeper dengan negara lain
 - B Mengeluarkan akta baharu dadah di peringkat global
 - C Menjatuhkan hukuman kepada pesalah tanpa bicara
 - D Menyuarakan pandangan di peringkat antarabangsa
- 40 Isu Antartika disuarakan dengan lantang oleh Malaysia di pentas antarabangsa pada sesi perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-37.
- Malaysia telah mencadangkan supaya
- A melarang kuasa besar mentadbir Antartika
 - B membantah aktiviti penerokaan di Antartika
 - C menjadikan Antartika kawasan warisan sejagat
 - D mewujudkan badan khas bagi melindungi Antartika



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT